

NO SOALAN : 24

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. TAN KEE
KWONG
(WANGSA MAJU)**

**TARIKH : 18.3.2015
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah terdapat sebarang kajian untuk sebarang program atau latihan atau kursus ringkas bagi menggantikan PLKN yang sedang ditangguhkan.

kerajaan (NGO) dan juga pemegang taruh (*stakeholders*) yang lain seperti ibubapa, bekas pelatih, pengusaha kem dan lain-lain. Selain itu, kursus untuk jurulatih bagi tujuan penyesuaian dengan cadangan makmal akan dilaksanakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]**

TARIKH : 18 MAC 2015 (RABU)

SOALAN : 25

Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Kementerian bersama dengan agensi berkaitan untuk menambah baik mutu perkhidmatan, ketepatan masa dan keselamatan feri penumpang dari Kuala Perlis ke Langkawi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, feri penumpang dari Kuala Perlis ke Langkawi beroperasi dari Jeti Penumpang Kuala Perlis yang terletak di muara Sungai Perlis. Lokasi jeti sedia ada ini mempunyai kadar pemendapan yang tinggi yang menyebabkan kedalaman air di sekitar terminal dan alur pelayaran feri menjadi cetek. Keadaan ini menyebabkan feri-feri penumpang hanya dapat beroperasi ketika air pasang sahaja dan menjelaskan ketepatan masa feri-feri ini. Dalam hubungan ini, Jabatan Laut Malaysia sedang melaksanakan kerja-kerja pengerukan alur pelayaran sepanjang 9 kilometer dengan kos sebanyak RM34 juta yang akan dapat menyelesaikan masalah kelewatan atau ketepatan masa perkhidmatan feri.

Pada masa yang sama, satu inisiatif iaitu Kajian Kemungkinan Pembangunan Semula Jeti Kuala Perlis sedang dilaksanakan. Kajian ini akan membuat penilaian ke atas jeti sedia ada termasuk dari aspek masalah pemendapan, jaringan perhubungan mod pengangkutan lain dan sebagainya. Seterusnya kajian ini dijangka akan mengemukakan cadangan penyelesaian termasuk kemungkinan pemindahan lokasi jeti dan penyelesaian melalui kaedah kejuruteraan jeti bagi mengurangkan masalah pemendapan. Kajian ini dijangka selesai pada bulan November 2015.

Dalam pada itu, Kementerian melalui Jabatan Laut Malaysia sentiasa berusaha memastikan keselamatan feri-feri penumpang melalui langkah-langkah berikut:

- (i) pemeriksaan fizikal feri secara rutin dalam memastikan ciri-ciri keselamatan dipatuhi dan tidak membawa penumpang melebihi had yang telah diluluskan;
- (ii) pemeriksaan pesijilan feri; dan
- (iii) pemeriksaan pesijilan pelaut.

Jabatan Laut Malaysia juga sedang menyediakan peralatan *Vessel Traffic System* yang bertujuan bagi memantau dan mengawasi pergerakan kapal-kapal termasuk feri-feri yang berlayar di sekitar perairan Langkawi, Kuala Perlis dan Kuala Kedah. Sistem ini dijadual siap pada Jun 2015.